

# IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan: Duta Sosial & Kebajikan**  
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**  
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**  
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai: Dari Segamat ke England**  
PTAR Segamat - muka 22




**LIVE@PTAR Better Marks Secrets Online Databases**  
PTAR Kedah - muka 33

**PROMOSI@PTAR**



Disediakan oleh: Nor Azelea Mohd Azahar



*Mobile Library@PTDI merupakan program yang dilaksanakan untuk mendekati pengguna di UiTM Kampus Pasir Gudang. Bagi melaksanakan program Mobile Library@PTDI kali ini, PTDI mengunjungi Pejabat Hal Ehwat Pelajar di aras 2 dan Pejabat Bendahari di aras 4. Program ini diadakan pada 19 Januari 2022. Kedua-dua unit ini terletak di Bangunan Pentadbiran.*

*Program ini dilaksanakan apabila PTDI membawakan buku-buku baru dan buku-buku bestseller sebagai promosi kepada staf di unit tersebut. Staf juga boleh memilih dan terus meminjam buku-buku yang diminati mereka.*

*Selain mempromosikan buku-buku yang dibawa, pihak PTDI juga mempromosikan perkhidmatan Book Delivery Service dimana pihak kami akan menghantar buku yang dipesan oleh mereka tanpa hadir ke PTDI. Program Mobile Library@PTDI ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa.*

